



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 07 Tahun 2017

PERMOHONAN MEMBAWA KE HADAPAN BAKI CUTI REHAT & PENGUMPULAN GANTIAN CUTI REHAT (GCR) TAHUN 2016 KE TAHUN 2017

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai permohonan membawa ke hadapan baki Cuti Rehat tahun 2016 ke tahun 2017 dan permohonan pengumpulan Gantian Cuti Rehat (GCR) secara dalam talian.

LATAR BELAKANG

2. Cuti Rehat yang tidak dapat dihabiskan demi kepentingan perkhidmatan dibenarkan dikumpul untuk pengumpulan Gantian Cuti Rehat (GCR) atau dibawa ke tahun berikutnya berdasarkan Perintah Am Bab C Perkara 11, Pekeliling Pendaftar Bil.1/2004, Pekeliling Pendaftar Bil. 24/2004 dan Pekeliling Pendaftar Bil. 3/2009.

PELAKSANAAN

3. Sehubungan itu, staf berjawatan tetap boleh membuat permohonan membawa ke hadapan baki Cuti Rehat tahun 2016 ke tahun 2017 dan pengumpulan Gantian Cuti Rehat (GCR) melalui Sistem eCuti mulai 13 Februari 2017.

4. Sukacita dimaklumkan, permohonan dalam talian ini akan ditutup pada 13 Mac 2017 bagi membolehkan Bahagian Pengurusan Perkhidmatan, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar memproses permohonan.

5. Sehubungan dengan itu, Moderator Cuti dan Pusat Tanggungjawab perlu memastikan bahawa semua permohonan cuti tahun 2016 secara dalam talian telah dikemaskini. Sila pastikan permohonan membawa ke hadapan baki Cuti Rehat dan pengumpulan Gantian Cuti Rehat (GCR) yang dibuat secara dalam talian ini diambil tindakan oleh pegawai bertanggungjawab (Pegawai Membenar/Meluluskan) dalam tempoh yang dibenarkan mulai 14 Mac 2017 hingga 14 April 2017.

6. Sukacita dimaklumkan bahawa Sistem eCuti telah boleh dicapai melalui internet berkuat kuasa mulai 03 November 2016. Oleh itu, permohonan membawa ke hadapan baki cuti rehat dan pengumpulan Gantian Cuti Rehat (GCR) yang dibuat secara manual selepas tarikh tutup permohonan ini tidak akan diproses kecuali bagi staf yang dalam tempoh bercuti yang diluluskan dalam jangka masa panjang atau melebihi satu (1) bulan dalam tempoh permohonan dibuka.

7. Bagi staf yang dalam tempoh Cuti Sakit Tibi, Kusta dan Barah, Cuti Belajar dan Cuti Tanpa Gaji mengikut pasangan melebihi tempoh satu (1) tahun tidak layak memohon.

TARIKH DIKELUARKAN


8. Pekeliling dikeluarkan pada 08 Februari 2017.

TARIKH KUAT KUASA

9. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 08 Februari 2017.

PEMAKAIAN

10. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf berjawatan tetap Universiti Teknologi MARA.



AZIDA AZMI
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:
Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No. Siri : 100BPD(Bil. 07/2017)